



## **Keperntingan Pembangunan Spiritual di kalangan Pensyarah ke arah Pembentukan Insan Kamil**

*Minah Dibok  
Abd Khalil Mohd Khalid  
Ainun Jariah Manaf  
Ruaain Mustari*

### **ABSTRAK**

*Manusia atau insan adalah makhluk terbaik ciptaan Allah s.w.t. yang terdiri daripada paduan unsur jasmani dan rohani. Manusia bukan sahaja memerlukan pengisian fizikal bahkan juga pembangunan spiritual yang menjadi teras dalam kehidupan mereka. Oleh itu, kertas kerja ini cuba mengupas persoalan pembangunan spiritual yang amat diperlukan dalam kehidupan pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) khususnya sebagai tenaga pendidik. Aspek pembangunan spiritual yang diperlukan ialah keimanan, ilmu, pengabdian diri kepada Allah dan akhlak. Dengan adanya pembangunan spiritual yang mantap di kalangan pensyarah sudah tentu mereka mampu menjadi model terbaik kepada pelajar dan dapat melahirkan graduan yang kamil bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik bahkan juga mempunyai sahsiah yang unggul.*

**Kata kunci :** *pembangunan spiritual, pembentukan insan kamil,  
pensyarah*

### **Pendahuluan**

Insan adalah makhluk terbaik ciptaan Allah s.w.t. yang dijadikan daripada paduan unsur rohani dan jasmani. Potensi insan yang perlu dibangunkan bukan sahaja dari sudut fizikal bahkan juga pembangunan spiritual yang menjadi teras dalam kehidupan mereka. Insan yang terbangun spiritual mereka akan menjadi insan yang bertakwa dan berakhlak mulia. Kedua-dua elemen ini amat penting dalam kehidupan seorang pendidik seperti pensyarah, yang bertanggungjawab melahirkan insan kamil dalam berbagai bidang bukan sahaja dalam bidang kerjaya bahkan juga melahirkan pelajar yang soleh yang akan merupakan modal insan yang amat penting dalam pembangunan negara.

## **Hakikat dan Matlamat Kejadian Manusia Menurut Pandangan Islam**

Firman Allah bermaksud:

*“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”.*

( Surah al- Tin 95: 4)

Manusia pertama yang diciptakan oleh Allah ialah Adam a.s. Peringkat-peringkat kejadian Adam telah disebutkan dengan terperinci oleh Al-Qur'an seperti berikut:

### **Peringkat Turab**

Turab ialah tanah bumi yang kemudiannya dijadikan debu terpilih. Firman Allah dalam surah Ali Imran(3):59 bermaksud:

*“Sesungguhnya perumpamaan (penciptaan) Isa di sisi Allah adalah seperti (penciptaan ) Adam. Allah menciptakan Adam dari tanah (turab). Kemudian Allah berfirman kepadanya “Jadilah (seorang manusia), maka jadilah dia”.*

### **Peringkat Tin**

Tanah yang telah menjadi debu disaring oleh Allah bagi mendapatkan saripatinya (sulalatin min tin). Setelah itu dicampurkan dengan air menjadi tanah liat (tin) yang keadaannya melekit (tin lazib). Kemudian jasad Adam dibentuk memakan masa selama 40 tahun. Firman Allah dalam surah al-Mukminun (23):12 bermaksud:

*“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari saripati (yang berasal) dari tanah (sulalah min tin)”.*

### **Peringkat Tanah yang Berbau**

Jasad Adam yang diciptakan dari tanah melekit (tin) itu kemudiannya dibiarkan selama 40 tahun dalam bentuk tanah yang berbau (hamaim masnun). Firman Tuhan dalam surah al-Hijr (15):26 bermaksud:

*“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering (salsal) (yang berasal) dari lumpur hitam berbau (hamaim masnun) yang diberi bentuk”.*

## **Peringkat Tanah Keras seperti Tembikar**

Dari tanah yang berbau itu ia mengeras dalam tempoh 40 tahun menjadi tanah keras seumpama tembikar (salsal kal fakhhar). Firman Allah dalam surah al-Rahman(55):14 bermaksud:

*“Dia menciptakan manusia daripada tanah kering seperti tembikar”.*

## **Peringkat Peniupan Ruh**

Setelah genap 120 tahun maka Allah meniupkan ruh (nafkh al-ruh) ke dalam jasad Adam. Firman Allah dalam surah al-Hijr(15):29 bermaksud:

*“Maka apabila Aku sempurnakan kejadiannya dan Aku tiupkan padanya roh (ciptaan) Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud”.*

Dengan itu sempurnalah kejadian Adam pada fizikal dan spiritualnya dalam keadaan yang indah dan lengkap. Maka segala organnya berfungsi sebagaimana wajarnya.

Jelas bagi kita bahawa penciptaan manusia adalah terdiri dari unsur jasmani (tanah) dan unsur rohani (roh). Kemudian Allah menjadikan Hawa dengan mengambil satu juzuk dari tubuh Adam sebagai pasangannya. Dari pasangan Adam dan Hawa inilah kemudian manusia berkembang biak sehingga hari ini.

## **Keistimewaan Kejadian Manusia**

Manusia telah diberikan kemuliaan oleh Allah sebagai makhluk terpilih dengan keistimewaan yang berikut:

- i- merupakan makhluk yang paling indah kejadiannya
- ii- dikurniakan akal fikiran
- iii- dianugerahkan ilmu pengetahuan
- iv- boleh memanfaatkan segala kemudahan yang terdapat di alam ini.

Manusia telah dicipta oleh Allah mempunyai sifat-sifat naluri yang tersendiri. Di antaranya ialah:

- i- mudah terpengaruh dengan segala yang difikirkan atau dilihatnya
- ii- mudah menghargai jasa, budi baik dan pemberian orang
- iii- mengagung dan menghormati orang yang mempunyai kelebihan ilmu daripadanya

- iv- patuh kepada orang yang lebih berkuasa daripadanya
- v- sukakan keamanan, keadilan dan kesejahteraan (Basmeh, 1973)

Walau bagaimanapun, ianya mestilah terkawal agar tidak terdorong ke arah kemudaratan seperti terlalu mendewa-dewakan orang yang dikaguminya sehingga boleh merosakkan akidah dan sebagainya.

### **Matlamat Kejadian Manusia**

Terdapat dua tujuan utama kejadian manusia iaitu yang pertama sebagai hamba seperti firman Allah s.w.t bermaksud:

*“Tidak Aku ciptakan jin dan manusia itu melainkan adalah untuk menyembah dan beribadat kepada Ku ”*

( Surah al- Zariyat : 56) .

Tujuan kedua penciptaan manusia ialah untuk menjadi khalifah memakmurkan alam seperti Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*“Dan ingatlah ketika Tuhan mu berfirman kepada malaikat ”  
Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah  
(Adam) di bumi”.*

(Surah al-Baqarah 2:30)

### **Pembangunan Spiritual**

Pembangunan unsur jasmani manusia telah banyak dibincangkan oleh mereka yang berkepakaran. Unsur rohani kurang difahami kerana kurang diperbincangkan sedangkan ia lebih penting lagi berbanding unsur jasmani. Unsur kerohanian perlu diketahui dan dibangunkan mengikut dasar-dasar yang ditetapkan oleh Allah s.w.t.

### **Pembangunan Iman dalam Pembentukan Insan Kamil**

Iman dari segi bahasa bermaksud aman atau membentuk keadaan aman dan tenteram. Dari segi istilah iman bermakna membenarkan dengan hati, ikrar dengan lisan dan beramal dengan ajaran-ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. (Haron et al., 1990).

Iman yang sempurna mestilah mengandungi ketiga-tiga komponen iaitu mengakui di dalam hati bahawa Islam itu benar, menyebutkan dengan lidah bahawa Islam adalah agama benar dan mengamalkan ajaran-ajaran yang terkandung dalam agama Islam.

Imam Ghazali menghuraikan makna iman sebagai pengakuan dengan

lidah, membenarkannya dengan hati dan mengamalkannya dengan anggota (Haron et al., 1990).

Dengan keyakinan yang tinggi bahawa Allah mengetahui apa yang kita lakukan sama ada secara terang ataupun sembunyi malah apa yang terdetik di hati kita beserta dengan keyakinan bahawa Allah akan membalas semua amalan baik dengan kebaikan dan ancaman neraka terhadap kejahatan kita, sudah pasti kita akan menjadi manusia yang baik dalam segenap segi. Sebagai pensyarah kita akan rasa bersalah jika mengabaikan tanggungjawab seperti ponteng ke kelas atau sengaja lambat ke kelas, menipu cuti sakit dan tidak memeriksa kertas ujian pelajar dengan teliti. Gejala pecah amanah seperti membocorkan soalan, pilih kasih dan menipu markah akan dihindari sebaliknya semangat kerjasama, bersungguh-sungguh dan sanggup berkorban akan lahir dalam diri kita.

### **Pembangunan Ilmu dalam Pembentukan Insan Kamil**

Menuntut ilmu adalah tanggungjawab utama dalam kehidupan seorang muslim. Tanpa ilmu bagaimanakah seorang insan mampu mengenal penciptanya malah dirinya sendiri. Ayat awal yang diturunkan kepada junjungan Rasulullah saw menyuruhnya membaca dengan nama Allah. Firman Allah dalam Surah al-Alaq (96):1-5 bermaksud:

*“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhan mu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari gumpal darah beku. Bacalah dan Tuhan mu Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dan mengajar manusia apa yang mereka tidak ketahui”.*

Ilmu utama yang perlu dipelajari oleh umat Islam ialah mengenal tuhan. Allah adalah sumber segala ilmu dan punca segala perkara bagi semua makhluk yang wujud.

Ulama membahagikan ilmu kepada dua iaitu ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Fardu ain ialah semua perkara asas tentang Islam merangkumi aqidah, syariah dan akhlak. Ilmu ini perlu dipelajari oleh setiap muslim. Manakala ilmu fardu kifayah ialah semua yang berguna selain fardu ain yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Ia perlu dipelajari oleh sekumpulan umat Islam berdasarkan keperluan semasa. Ilmu fardu ain penting bagi kita mengenal diri dan Tuhan manakala ilmu fardu kifayah pula bagi mengenal alam dan Pencipta.

Dengan mendalami fardu ain kita akan dapat memantapkan konsep pengabdian terhadap Allah. Segala amalan kerohanian akan dapat kita laksanakan dengan sempurna dan penuh pengertian. Rohani yang mantap

melahirkan muslim yang tenang dan tabah dalam mengharungi sebarang dugaan dan cabaran. Segala perkara adalah dari Allah dan Dia jualah yang berhak menentukan keputusan segala amalan kita. Muslim hanya perlu berusaha supaya mereka akan dibalas atas usaha tersebut bukan keputusan dari usaha mereka.

Ilmu fardu kifayah perlu bagi melaksanakan misi sebagai khalifah di bumi. Meskipun zahirnya yang kita lihat adalah lebih bersifat material tetapi asas dan panduannya ialah keyakinan terhadap perintah Allah yang memerintahkan kita menjaga dan memakmurkan alam ini menurut kehendakNya. Tanpa persediaan rohani yang kukuh manusia akan terlalai dan terpaut dengan kesenangan nikmat dunia, lupa kepada Pencipta lantas menjadi pengabdikan kepada nafsu dan dunia.

Sebagai pensyarah, pengisian spiritual amat penting untuk memastikan kita memahami ilmu-ilmu asas Islam yang membolehkan kita mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan kita, di samping berperanan sebagai *murabbi* kepada para pelajar yang sentiasa mengingatkan pelajar agar melaksanakan tugas sebagai pelajar dan sebagai seorang muslim. Pada masa yang sama pensyarah dapat menunjukkan peribadi muslim sebenar yang mampu menjadi contoh ikutan terbaik kepada pelajar. Jika suasana seperti ini dapat dilaksanakan oleh semua pensyarah dalam semua bidang yang ada di UiTM ini, sudah tentu kita akan dapat melahirkan teknokrat muslim yang cemerlang dalam bidang profesional dan tinggi akhlaknya.

Begitulah pentingnya kedua-dua ilmu tersebut kepada setiap muslim bagi membentuk peribadi insan kamil. Muslim tidak akan mencapai status tersebut dengan mengabaikan salah satu darinya. Situasi inilah dipraktikkan oleh sarjana Islam terdahulu pada zaman kegemilangan tamadun Islam, mereka bukan sahaja menjadi pakar dalam bidang perubatan, sains dan teknologi malah merekalah juga insan yang sentiasa tunduk dan patuh kepada Allah s.w.t., hidup mereka diabdikan kepada Allah dan kepada manusia sejagat dengan penemuan dan penciptaan berbagai bidang untuk kemajuan dan kesejahteraan hidup manusia. Sebagai pensyarah, langkah yang dilalui oleh mereka ini perlu diikuti barulah kegemilangan tamadun Islam dahulu dapat dijelmakan kembali di abad ini di Malaysia.

### **Pembangunan Ibadah dalam Pembentukan Insan Kamil**

Perkataan ibadah bermaksud tunduk. Ibadah diambil dari bahasa Arab dengan kata dasar *abad-ya'budu-ibadah* yang bererti merendahkan diri, tunduk, patuh dan taat (Al-Qardhawi, 1981). Sheikh Ibnu Taimiyyah (1983) pula dalam kitab Ubudiyahnya ada mengatakan bahawa:

*"Ibadah asal maknanya kehinaan tetapi ibadah yang diperintah Allah s.w.t. atau yang disyorkan ke atas manusia merangkumi bersama makna kehinaan dan kecintaan iaitu kemuncak kehinaan iaitu kehinaan diri seorang bila berhadapan dengan Allah dan kemuncak kecintaannya kepadaNya".*

Al-Tabari (t.t.) seorang ahli tafsir al-Quran menjelaskan maksud ibadah sebagai taat, tunduk, patuh dan merendah diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t. dan mengakui serta meyakini bahawa Allah sahajalah yang layak menjadi tumpuan segala ketaatan, tunduk patuh, merendah diri, takut dan mengharap.

Kesimpulannya, ibadah merangkumi apa saja yang dicintai dan diredhai oleh Allah s.w.t. yang mencakupi seluruh ucapan dan perbuatan yang tidak nampak dan nampak seperti solat, zakat, puasa, haji, berkata-kata yang benar, menunaikan amanah, berbuat baik kepada kedua orang tua, bersilatullah, memenuhi janji, menyuruh berbuat kebaikan, melarang daripada perbuatan mungkar, berperang melawan kekufuran dan kemunafikan, lemah lembut terhadap tetangga dan anak yatim, menyantuni orang miskin, ibnu sabil, hamba sahaya dan binatang, serta doa, zikir, membaca al-Quran dan sebagainya. Ia termasuk juga mencintai Allah dan Rasulullah itu sendiri, takut kepada Allah dan taubat kepadaNya, ikhlas dalam beribadah, menerima hukumNya, bersyukur atas nikmatNya, rela terhadap keputusanNya, bertawakkal kepadaNya, mengharap rahmatNya dan takut kepada siksaanNya adalah termasuk dalam beribadah kepada Allah s.w.t (Ibnu Taimiyyah, 1983).

Pensyarah sebagai model kepada pelajar hendaklah membangunkan spiritual mereka dengan melengkapkan diri dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. serta melaksanakan ibadah dalam semua ruang kehidupan mereka agar terbentuknya nilai akhlak yang tinggi yang mampu menjadi contoh ikutan kepada pelajar. Mereka hendaklah menghiasi diri dengan sifat mahmudah dan meninggalkan sifat mazmumah yang boleh menggugat kewibawaan mereka sebagai pendidik.

## **Ruang Lingkup Ibadah dalam Islam**

Islam amat istimewa hingga menjadikan seluruh kegiatan manusia sebagai ibadah apabila diniatkan dengan penuh keikhlasan kerana Allah s.w.t. demi mencapai keredhaanNya serta dikerjakan menurut cara-cara yang disyorkan olehNya. Islam tidak membataskan ruang lingkup ibadah kepada sudut-sudut tertentu sahaja. Seluruh kehidupan manusia adalah medan amal dan persediaan bekalan bagi para mukmin sebelum mereka kembali bertemu Allah s.w.t. di hari pembalasan nanti. Ruang lingkup

ibadah dalam Islam sangat luas. Ia adalah seluas tempoh hayat seseorang muslim dan kesanggupan serta kekuatannya untuk melakukan apa saja amal yang direndah Allah s.w.t. dalam tempoh tersebut.

## **Pembahagian Ibadah dalam Islam**

Pada dasarnya manusia dijadikan untuk beribadah kepada Allah s.w.t. Oleh itu tidak wujud pembahagian dalam konsep ibadah. Namun, untuk lebih mudah difahami tentang konsep ibadah maka para ulama telah membahagikan ibadah itu kepada ibadah khusus dan ibadah umum.

### **Ibadah Umum**

Ibadah umum ialah pengabdian diri secara tidak langsung kepada Allah s.w.t. menerusi urusan duniawi yang bersangkutan dengan hubungan sesama makhluk yang berlandaskan akidah dan syariah Islam (Idris, 2005). Maksud hubungan sesama makhluk ialah segala bentuk hubungan kita dengan segala makhluk Allah sama ada sesama manusia, tumbuhan, haiwan, benda-benda fizik dan metafizik. Contohnya mencari rezeki yang halal untuk diri dan keluarga, menuntut ilmu, membuka industri untuk memberi peluang pekerjaan kepada orang ramai, berbaik dengan jiran tetangga, dengan haiwan, menjaga alam sekitar dan sebagainya. Janganlah dianggap ibadah itu sekitar aktiviti agama sahaja seperti mengajjar agama dan berzikir sahaja yang dikatakan ibadah.

Kerjaya sebagai pensyarah adalah amat mulia di sisi Islam, oleh itu kita hendaklah menjadikannya dalam bentuk ibadah dengan mengikut segala syarat yang digariskan oleh Islam. Apabila ia dibentuk menjadi ibadah, sudah tentu Allah akan mengurniakan keberkatan dalam hidup kita dan keberkatan dalam pengajaran yang disampaikan. Insya Allah segala tunjuk ajar yang disampaikan akan diterima baik oleh pelajar dan dihayati dalam kehidupan mereka untuk meraih kejayaan di dunia dan akhirat sebagai modal insan kamil yang amat berguna untuk pembangunan negara.

Apabila manusia dapat mengikut segala panduan yang diberikan maka ianya dikira sebagai ibadah dan akan diberi pahala oleh Allah s.w.t. Syarat-syarat sesuatu perbuatan atau aktiviti itu dikira sebagai ibadah apabila amalan yang dilakukan itu mengikut syarat-syarat yang dikehendaki oleh syarak. Syarat-syarat tersebut ialah:

i- Sesuatu amalan itu mestilah disertai dengan niat yang ikhlas kerana Allah s.w.t.. Ia menjadi syarat untuk menjadikan sesuatu amalan yang dilakukan itu menjadi ibadah dan seterusnya diberi ganjaran pahala oleh Allah s.w.t. sama ada perkara tersebut berupa amalan wajib, sunat ataupun harus. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:



*"Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam menjalankan agama dengan lurus dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat, itulah agama yang lurus."*

(Surah al-Bayyinah: 5)

Setiap amalan yang dilakukan tanpa niat kerana Allah s.w.t. akan menjadi sia-sia sahaja dan tidak dikira sebagai suatu amalan yang diiktiraf oleh Allah s.w.t. kerana niat adalah teras kepada ibadah.

ii- Pekerjaan yang dilakukan itu mestilah dibenarkan oleh syarak. Islam tidak hanya melihat pada niat seseorang sahaja malah Islam melihat pula setiap aktiviti yang diceburi mestilah tidak bercanggah dengan syariah Islam. Islam tidak mengiktiraf konsep "matlamat menghalalkan cara", malah dalam konsep Islam apa saja aktiviti yang dilaksanakan mestilah semuanya dalam bentuk yang halal.

iii- Sesuatu pekerjaan atau amalan itu mestilah mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Islam.

iv- Tidak mengabaikan ibadah khusus. Ibadah khusus adalah dianggap sebagai perkara utama manakala ibadah umum adalah sebagai tambahan. Lantaran itu jika seseorang muslim itu ingin menjadikan seluruh kegiatan hidupnya sebagai ibadah, ia hendaklah terlebih dahulu menyempurnakan segala tuntutan Islam yang asas ke atasnya seperti solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain.

*"Lelaki-lelaki yang tidak dilalaikan mereka oleh perniagaan atau jual beli dari mengingati Allah . mendirikan solat dan mengeluarkan zakat."*

(Surah al-Nur: 37)

Rasulullah s.a.w. juga menyuruh umat Islam menyempurnakan ibadah solat mereka melalui sabda Baginda s.a.w. yang bermaksud:

*"Sesungguhnya perkara yang pertama dihisab ke atas seseorang hamba pada hari kiamat ialah solatnya .Jika baik maka diterima segala amalannya dan berjayalah ia. Jika solatnya rosak maka ditolaknyalah segala amalannya dan rugilah ia."*

(Hadis Riwayat al-Turmudhi)

v- Setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah dengan penuh ke-sungguhan bukan sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Maksud sabda Nabi s.a.w.:

*“Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang dari kamu membuat sesuatu kerja dengan memperelokkan kerjanya.”*

(Hadis Riwayat Muslim)

### **Ibadah Khusus**

Ibadah khusus ialah suatu bentuk pengabdian diri seorang hamba kepada Allah s.w.t. secara langsung bagi mendapat keredhaan Allah s.w.t. dan juga berupa segala bentuk amalan yang disebutkan secara khusus di dalam al-Quran dan al-Hadis. Ibadah khusus terbahagi kepada dua iaitu ibadah fardhu dan ibadah sunat. Contoh ibadah khusus ialah solat lima waktu, puasa pada bulan Ramadhan, zakat dan haji. Manakala ibadah sunat pula seperti solat sunat, puasa sunat, sedekah dan sebagainya.

Sesungguhnya ibadah dapat dilakukan melalui berbagai cara. Setiap anggota dan pancaindera yang dianugerahkan oleh Allah adalah untuk beribadah kepada Allah. Ibadah boleh dicapai menerusi akal fikiran, hati nurani, penglihatan, pendengaran, pertuturan dan lain-lain anggota. Ibadah juga boleh dilakukan dengan harta benda yang dimiliki. Setiap muslim boleh menggunakan lidah yang dianugerahkan oleh Allah untuk berzikir, berdakwah ke jalan Allah, mengajar dan bersyair menyebut tentang kebesaran Allah Taala dan sebagainya. Sebagai pendidik para pensyarah sepatutnya menjadikan seluruh ruang hidupnya sebagai ibadah agar spiritual mereka dapat dibangunkan mengikut kehendak Allah dan mampu memainkan peranan mereka untuk mendidik pelajar UiTM menjadi generasi yang soleh untuk membentuk modal insan yang berguna kepada negara Malaysia. Pendidik yang soleh sahajalah yang mampu menjadi guru *mursyid* kepada pelajar, mereka bukan sahaja mampu menyampaikan ilmu malah dapat memberi tunjuk ajar, contoh terbaik sebagai seorang muslim di samping pengajarannya penuh dengan keberkatan dan kebaikan. Seterusnya akan dapat meningkatkan keyakinan dan keimanan kepada Allah.

Banyak ayat-ayat al-Quran menganjurkan manusia menggunakan segala anggota yang dianugerahkan oleh Allah untuk menambahkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Begitu juga manusia dapat beribadah kepada Allah menggunakan harta yang dianugerahkan oleh Allah Taala. Manusia dapat menggunakan harta untuk bersedekah, untuk menghadiri majlis ilmu, membina rumah sebagai tempat beribadah, melancong ke suatu tempat, membantu antara satu sama lain dan lain-lain lagi. Manusia juga menggunakan ilmu untuk mengajar orang lain seperti kerjaya sebagai pensyarah yang besar peranannya untuk melahirkan generasi berilmu yang bakal mewarisi kepimpinan negara.

## Pembangunan Akhlak dalam Pembentukan Insan Kamil

Perkataan “akhlak” berasal dari bahasa Arab “iaitu kata jama’ (plural), dari perkataan “*khuluq*” (singular) yang bermaksud budi pekerti, tingkah laku dan tabiat. Perkataan “khalaq” adalah pecahan dari “al-khalqu” yang bererti ciptaan atau kejadian seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran (Che Bakar, t.t. )yang bermaksud:

*“Allah yang mengindahkan segala makhluk ciptaannya dan dialah (Allah) yang memulakan ciptaan manusia dari tanah”*

(Surah As-Sajadah 32:7)

Firman Allah dalam surah lain, yang bermaksud:

*“Allah mencipta manusia dari segumpal darah.”*

(Surah As-A’laq 96:2)

Terdapat sesetengah ulama’ berpendapat bahawa akhlak adalah keindahan dalam bentuk batin, manakala khalak adalah keindahan bentuk zahir.

Meskipun kedua-dua keindahan dituntut untuk dipelihara namun Islam lebih mementingkan keindahan batin. Ini disebabkan oleh keindahan batin yang berupa asas dan matlamat dalam membentuk kesempurnaan diri seseorang sepanjang kehidupannya. Tambahan pula kesempurnaan batin yang akan kekal selepas kematian seseorang.

Mungkin seseorang itu cantik dari segi zahirnya atau bentuk rupa parasnya tetapi batinnya buruk dan keji. Kelak ia akan menjadi paling rendah dan hina di akhirat nanti. Firman Allah Taala yang bermaksud:

*“Sesungguhnya kami mencipta manusia dengan sebaik-baik kejadian. Kemudian akan kami kembalikan pada tempat yang paling rendah bagi orang-orang yang derhaka.”*

(Surah al-Tin 95 : 4-5)

Sebaliknya mungkin seseorang yang hodoh dari segi fizikalnya tetapi cantik batinnya dan inilah kecantikan sebenarnya di sisi Allah Taala. Mereka yang memiliki keindahan batin inilah akan tampak berseri dan indah wajahnya di hari kiamat kelak sedangkan kejelekan dan kehitaman akan kelihatan pada wajah orang-orang yang hodoh batinnya sebagaimana yang diceritakan di dalam Al-Quran dan Hadis.

Dari segi istilah akhlak boleh ditafsirkan sebagai sifat yang tertanam dan sehati dalam jiwa seseorang yang melahirkan tingkah laku dengan mudah tanpa berfikir atau teragak-agak. Jika tingkah laku yang terbit itu baik

dan terpuji maka disebut akhlak yang baik dan begitulah sebaliknya. (Idris, 2005 ).

Sesetengah ulama pula mentakrifkan bahawa akhlak adalah keadaan jiwa seseorang yang mendorong melakukan sebarang perbuatan tanpa perlu berfikir.

Berdasarkan takrif tersebut dapat kita simpulkan bahawa apa yang dikatakan akhlak itu sikap atau sifat seseorang yang melahirkan tindakan yang menjadi kebiasaan baginya. Sebagai contoh seorang yang bersifat pemurah dan penderma maka amalan derma adalah menjadi kebiasaan baginya. Hal ini berbeza dengan seseorang yang bakhil dan kedekut di mana menjadi keberatan untuk menderma. Walaupun ia menderma tetapi ia akan banyak bersoal dan teragak-agak sama ada perlu menderma banyak atau sedikit.

Begitu jugalah seperti orang yang selalu pergi ke masjid. Apabila terdengar azan akan terus pergi ke masjid. Berbeza dengan orang yang jarang ke masjid di mana ia akan rasa tidak selesa untuk duduk lama di dalam masjid.

## **Pembahagian Akhlak**

Seringkali di kalangan masyarakat menyalah anggap tentang akhlak itu di mana mereka menganggap bahawa akhlak itu hanyalah bertingkah laku baik dan juga bersifat baik sesama insan tanpa melihat kepada bahagiannya secara menyeluruh. Sebenarnya akhlak di dalam Islam boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu akhlak dengan Allah, akhlak sesama manusia dan akhlak dengan alam sekeliling.

### **Akhlak dengan Allah**

Orang mukmin adalah mereka yang mempunyai akhlak yang tinggi dalam kontek hubungan dengan Allah Taala. Maksud akhlak dengan Allah ialah mengenali Allah, beriman dan beribadah kepada Allah Taala.

Lebih dari itu manusia juga perlu tunduk dan menyerah diri sepenuhnya kepada Allah Taala dengan bersegera melakukan amal makruf dan nahi mungkar. Di samping itu seorang muslim itu mesti menjauhkan diri dari sifat-sifat Mazmumah seperti dengki, kikir, tamak dan sebagainya.

Akhlak dengan Allah adalah paling utama kerana ianya sebagai penentu kepada hubungan seseorang dengan yang lain. Segala tindakan dan sifat yang disebutkan di atas masih lagi terangkum dalam erti kata ibadat se-

kiranya dilakukan semata-mata kerana Allah Taala.

### **Akhlak Sesama Manusia**

Akhlak dalam bahagian inilah yang banyak difahami oleh masyarakat. Manusia tidak dapat hidup sendirian. Manusia saling memerlukan antara satu sama lain. Rasulullah s.a.w. mengibaratkan setiap individu di dalam masyarakat sebagai satu binaan yang saling lengkap melengkapi. Sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud:

*“Kamu akan melihat orang-orang yang beriman saling cinta mencintai, saling menyayangi, kasih mengasihi bagaikan satu tubuh. Apabila satu anggota sakit, maka seluruh anggota akan turut merasainya dengan berjaga malam serta demam.*

( Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

Akhlak sesama manusia termasuklah akhlak dengan keluarga, jiran dan masyarakat sama ada masyarakat Islam atau bukan Islam. Islam mengatur sistem akhlak yang unik bagi membina nilai insaniah dalam diri muslim untuk mencari penyesuaian dengan kehendak masyarakat. Sebagai pensyarah di pusat pengajian tinggi yang mempunyai kepakaran dalam berbagai-bagai bidang sudah tentu mampu memberi sumbangan yang amat besar kepada masyarakat sama ada dalam bidang keagamaan, akademik, perniagaan, motivasi dan sebagainya. Dengan adanya kerjasama yang erat di antara pensyarah dan masyarakat diharapkan akan tercapai hasrat negara untuk melahirkan masyarakat madani yang moden dan berwawasan.

### **Akhlak dengan Alam Sekeliling**

Akhlak dengan alam sekeliling di sini termasuklah binatang, tumbuh-tumbuhan dan segala apa yang didapati sekeliling kita. Islam menuntut supaya umatnya berbuat ihsan dengan kepada semua makhluk di atas.

### **Keindahan Ciptaan Manusia**

Manusia adalah makhluk yang paling indah diciptakan oleh Allah s.w.t. Keindahan hakiki manusia mempunyai dua bentuk iaitu:

- i. insan jasmani iaitu keindahan dari segi zahir atau fizikal. Keindahan ini termasuk dalam istilah *al-khalq*.

- ii. insan nafsani yang berbentuk batin iaitu di luar fizikalnya. Keindahan ini termasuk dalam istilah *al-khuluq* atau *al-khalak*.  
(Haron, 2007)

Walaupun kedua-dua keindahan ini memang dituntut supaya dijaga namun, Islam menyuruh supaya meletakkan keindahan kedua sebagai asas dan matlamatnya dalam usaha pembentukan kesempurnaan diri manusia sepanjang hidup di dunia. Oleh kerana yang kekal abadi itu adalah yang berhak menjadi asas dan matlamat, maka keindahan insan nafsani itulah yang berhak dijadikan asas dan matlamat. Ini kerana keindahan insan nafsani adalah keindahan yang kekal abadi.

Sesungguhnya kerjaya sebagai pensyarah amat memerlukan insan yang berakhlak dalam kedua-dua bentuk iaitu dari segi jasmani dan nafsani, ini adalah disebabkan mereka berfungsi sebagai model kepada para pelajar. Pensyarah sewajarnya menjadi contoh terbaik kepada pelajar dalam berbagai bidang. Pendidikan melalui contoh teladan adalah antara metode yang penting dalam sistem pendidikan Islam.

Jika pendidik jujur, dapat dipercayai dan berakhlak mulia serta sentiasa menjauhkan diri daripada perbuatan yang bertentangan dengan prinsip Islam sudah tentu ia akan menjadi contoh terbaik kepada pelajar ke arah melahirkan insan kamil bukan sahaja mahir dalam bidang profesional bahkan juga memiliki jati diri muslim yang cemerlang.

## **Pensyarah Sebagai Model kepada Pelajar**

Sebagai pendidik, pensyarah seharusnya memiliki sifat-sifat terpuji agar segala pengajarannya dapat diterima dengan baik dan berkesan oleh para pelajar. Mengikut Ulwan (1990) sifat-sifat asasi pendidik ialah ikhlas, takwa, berilmu, berakhlak, bertanggungjawab dan sebagai agen perubahan.

### **Ikhlas**

Pensyarah hendaklah bersifat ikhlas dalam semua urusannya dalam bidang pendidikan sama ada dalam bentuk pengajaran, perintah atau hukuman. Ikhlas dalam perkataan dan perbuatan adalah sebahagian daripada asas keimanan. Dengan adanya sifat ikhlas, pendidik akan mendapat keredaan Allah s.w.t. dalam setiap perbuatan yang dikerjakan dan ia akan diterima sebagai amal soleh di samping disukai oleh pelajar dan apa jua nasihat yang disampaikan oleh pensyarah akan memberi kesan pada diri pelajar untuk dihayati dalam kehidupan mereka.

## **Takwa**

Takwa didefinisikan oleh para ulama sebagai menjaga diri dari azab Allah dengan mengerjakan amal salih dan merasa takut kepada Allah sama ada secara sembunyi atau secara terang-terangan (Ulwan, 1990 ). Sifat takwa juga adalah sifat terpenting yang mesti dimiliki oleh pensyarah agar golongan pendidik ini sentiasa berada pada metode yang telah digariskan oleh Allah dan berusaha semaksimum mungkin untuk membebaskan diri daripada perkara yang haram dan sentiasa melakukan perkara yang halal dalam kehidupan mereka. Jika pensyarah tidak mempunyai sifat takwa dalam perilaku dan muamalah mereka, sudah tentu mereka tidak dapat menunjukkan teladan yang baik kepada pelajar mereka.

## **Berilmu**

Pensyarah sewajibnya mempunyai ilmu yang lengkap dan mendalam dalam bidang asas-asas Islam atau ilmu fardu ain serta persoalan halal dan haram yang terdapat dalam syariat Islam. Ini akan menjadikan mereka seorang yang alim yang bijaksana, meletakkan sesuatu pada tempatnya, dapat mendidik pelajar mengikut kehendak Islam walaupun mereka mengajar subjek akademik selaras dengan konsep Islam yang syumul dan sepadu serta tiada pemisahan di antara subjek agama dengan akademik yang semuanya mempunyai matlamat yang satu iaitu untuk melahirkan pelajar yang soleh dan kamil.

## **Berakhlak**

Pensyarah juga perlu menghiasi diri dengan akhlak mulia sama ada akhlak kepada Allah, manusia dan alam. Ini adalah mereka terdiri daripada golongan yang menjadi bahan perhatian kepada para pelajar untuk dicontohi. Jika para pendidik tidak mempunyai akhlak yang mulia, maka gagallah sistem pendidikan Islam.

## **Bertanggungjawab**

Tugas sebagai pendidik adalah suatu amanah Allah kepada manusia. Oleh itu para pensyarah hendaklah mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi untuk mendidik pelajar baik dari segi akademik, iman, akhlak, pembentukan jasmani, rohani dan mempersiapkan mental dan sosial mereka ke arah yang diredhai Allah s.w.t.. Pengabaian kepada tanggungjawab tersebut akan menyebabkan golongan pelajar akan tercicir dalam segala bidang sama ada akademik dan akhlak.

## **Agen Perubahan**

Pensyarah yang cemerlang dan berkesan juga ialah pensyarah yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku dan memainkan tugas sebagai agen perubahan dan sanggup menerima apa sahaja kritikan yang boleh menolongnya untuk meningkatkan profesion pendidikan.

Tiga perkara asas untuk menjadi seorang individu (pensyarah) yang berkesan sepertimana yang telah digariskan oleh Covey (1989) ialah menjadi proaktif, mulai dengan yang akhir di dalam minda dan mendahulukan perkara yang perlu di dahulukan.

## **Perbandingan Pensyarah yang Efektif dan Pensyarah yang Tidak Efektif**

Menurut Omar (1993), seseorang guru yang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kualiti pengajarannya dan sering mementingkan kejayaan murid-muridnya dikatakan sebagai mempunyai profesionalisme yang tinggi. Dengan kata lain, guru itu melihat perguruan dan tugasnya bukan semata-mata sebagai pekerjaan tetapi sebagai satu profesion.

### **Sifat dan Ciri-ciri Pensyarah yang Efektif**

Secara ringkasnya ciri-ciri seorang pensyarah yang efektif boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu sikapnya terhadap pelajar, sikapnya terhadap tugas pengajaran, sikapnya terhadap disiplin dan sikapnya terhadap dirinya sendiri.

Pensyarah yang mempunyai pegangan agama yang kuat akan sentiasa memastikan setiap tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya dilakukan dengan penuh komitmen dan tanpa ada perasaan menyesal, mengeluh, dan membebankan. Pensyarah sebegini akan melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum untuk membentuk personaliti unggul (Mohammad Shatar et al., 2006).

Secara peribadinya, seorang pensyarah yang efektif mestilah sentiasa bersikap positif dan berketerampilan dalam pengetahuannya. Ia seharusnya mempunyai pengurusan masa dan diri yang tinggi iaitu selalu tepat pada masanya, datang awal ke kuliah dan keluar pada masanya. Beliau berkebolehan menghasilkan kerja yang berkualiti dan memenuhi sifat-sifat seorang yang inovatif, kreatif dan produktif.

Pensyarah yang pemurah ilmu akan sentiasa berkongsi ilmu pengetahuan



dan pengalaman untuk memastikan kecemerlangan pelajar-pelajarnya dan kemajuan masyarakat sekelilingnya. Pensyarah juga hendaklah sering bekerjasama dengan rakan sekerja.

Pensyarah yang berfikiran terbuka haruslah rasa bangga dan berlapang dada apabila dirinya di komen atau dikritik. Ini adalah kerana ia merupakan cara yang terbaik untuk memperbaiki kelemahannya demi kebaikan masa hadapan dirinya dan pelajarnya. Pensyarah juga mesti bersedia untuk menerima segala kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada pelajarnya.

Untuk belajar dari kesilapan, pensyarah hendaklah menyemak semula tindakan dengan berani memandang ke belakang dan mengkaji apa yang telah berlaku dan melihat di mana penambahbaikan yang perlu dilakukan. Pensyarah juga mesti menerima bahawa kesilapan adalah sebahagian daripada proses pembelajaran (Zenger & Folkman, 2005).

Pensyarah yang bertanggungjawab ialah pensyarah yang mempunyai matlamat yang jelas dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai penyampai ilmu. Pensyarah ini akan melaksanakan tugasnya dengan amanah dan dedikasi, ini termasuklah dari segi pengajaran, penerbitan dan penyelidikan. Walau bagaimanapun, pensyarah haruslah sedar bahawa tugas mengajar adalah satu keutamaan yang perlu disempurnakan dahulu selain dari tugasnya lain.

Penampilan yang menarik merupakan salah satu unsur utama untuk menjadi pensyarah yang efektif. Penampilan menarik ini merangkumi kesesuaian pakaian, cara berjalan, cara bertutur dan penggunaan bahasa, berdiri dan cara duduk.

Pensyarah yang cemerlang mestilah mampu mengurus masanya dengan efisien dan selalu menepati waktu. Ia juga boleh menggambarkan kesungguhan seorang pensyarah dalam menyalurkan ilmu pengetahuan kepada pelajarnya dan juga dapat memenuhi sukatan pelajaran dengan lebih berkesan.

Berpengalaman luas bagi seorang pensyarah adalah perkara yang sangat perlu. Pengalaman ini termasuklah pengalaman teknik mengajar dan yang berkaitan dengan hubungan kemanusiaan. Menegur dengan berhemah perlu supaya pelajar tidak merasa dirinya diperkecilkan, malu, hilang keyakinan dan hilang minat terhadap proses pembelajaran.

Pensyarah yang efektif mestilah seorang yang berkeyakinan tinggi. Seorang pensyarah itu mestilah mempunyai kepercayaan diri dan keberanian tanpa merasa gugup, panik dan tertekan dalam menyampai maklumat

kepada pelajar. Untuk mendapat keyakinan diri ini beliau mestilah mempunyai kemahiran dalam pengucapan awam, mendengar dan menggunakan alat bantu mengajar.

Menghormati pelajar ialah salah satu dari sifat yang harus ada pada seorang pensyarah. Pensyarah perlu bersikap rendah diri, cepat mesra, peramah, tidak lokek dengan senyuman dan mudah didekati oleh pelajar. Pepatah melayu ada menyatakan bahawa ular yang menyusur akar tidak akan hilang bisanya.

Seorang pensyarah bukan sahaja sebagai penyampai ilmu tetapi juga merupakan pembimbing pelajar. Seperti yang dinyatakan oleh Mohammad Shatar et al. (2006), untuk menjadi pembimbing yang baik, pensyarah perlu merangsang, meyakinkan, dan memberi sepenuh tumpuan kepada keperluan pelajar yang sedang berhadapan dengan ilmu.

Keupayaan untuk berkomunikasi dengan berkesan adalah satu ciri yang perlu ada pada seorang pensyarah. Komunikasi merupakan proses penyampaian mesej, sama ada dengan cara lisan atau bertulis. Sekiranya mesej yang ingin disampaikan pensyarah dapat difahami pelajarnya, komunikasi berkesan telah pun berlaku.

### **Sifat dan Ciri-ciri seorang Pensyarah yang Tidak Efektif**

Sifat pensyarah yang tidak efektif juga boleh dirujuk kepada Zol Azlan (2000), di mana beliau telah menggariskan ciri-ciri guru yang tidak efektif yang tidak digemari oleh pelajar termasuklah guru yang suka menyindir dan merendah-rendahkan pelajar, guru yang mengawal situasi seperti kuku besi, guru yang mempunyai dan menunjuk-nunjuk pelajar kesayangannya, guru yang menghukum atau mendera untuk mengawal disiplin, guru yang gagal menyediakan keperluan pelajar secara individu, guru yang panas baran dan asyik marah serta guru yang bertindak menzalimi.

### **Kesimpulan**

Manusia adalah hamba dan khalifah Allah. Banyak tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, termasuklah terhadap diri, keluarga dan masyarakat. Membina pelajar yang berkualiti, berdaya saing dan bersahsiah mulia bukanlah mudah bagai dikata. Pensyarah merupakan model yang berpengaruh untuk dicontohi oleh pelajar dalam banyak segi. Aspek spiritual perlu diambil berat kerana ia memberi kesan yang mendalam pada diri seseorang dan persekitarannya. Dengan adanya pembangunan siritual yang mantap di kalangan pensyarah, sudah tentu akan lahir nilai keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t. serta akhlak yang tinggi mampu melahirkan pensyarah yang bertanggungjawab dan menjadi ejen

perubahan yang positif kepada generasi pelajar yang dididik sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Lantaran itu ada pelajar yang terikut-ikut dengan gaya dan perwatakan pensyarah yang dikaguminya walaupun mereka sudah bekerja, seperti percakapan, pemikiran dan sebagainya.

Justeru, setiap pensyarah perlu mempersiapkan diri secara fizikal dan spiritual agar dapat menjadi model yang terbaik kepada pelajar, seterusnya ke arah pembentukan insan kamil.

## **Rujukan**

- Abdullah Mohd Basmeh. (1991). *Mastika hadis*. Cetakan ketiga. Jilid 3. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Qur'an al-Karim.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (1981). *Ibadah dalam Islam*. (Trj. H. Muammal Hamidy). Bangi: Pustaka Abd. Muis.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (t.t.). *Jami' al-Bayan Al-Ta'wil al-Qur'an..* Juz. 1. Misr: Dar al-Ma'arif.
- Basmeih Sheikh Abdullah. (1973). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. JPM.
- Che Bakar Che Mat. (t.t). *Teras kefahaman Islam*. Kelantan : UiTM Cawangan Kelantan.
- Covey, S.R. (1989). *The seven habits of highly effective people*. New York: Simon and Schuster.
- Haron Din. (2007). *Islam rujukan efektif akhlak mulia*. Kuala Lumpur :PTS Millennia.
- Haron Din, Sulaiman Yasin & Hassan Salleh. (1990). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Taimiyah. (1983). *Al'ubudiyah*. (Trj. Mu'ammal Hamidy ). Singapura: Pustaka Nasional.
- Idris Ahmad. (2005). *Teks usrah peringkat pengenalan*. Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Kamariah Yusuf. (2005). *Ibadah: Pengertian, pembahagian dan keis-*

*timewaan*. Kertas Kerja Bengkel Pementapan Pengajaran CITU Universiti Teknologi Mara Shah Alam.

Mohammad Shatar Sabran, Jasni Sabri & Azali Mohamed. (2006). *Tip pendidik yang cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Mustafa Abd Rahman. (1966). *Hadis empat puluh (terjemahan)*. Pulau Pinang: The United Press.

Nasruddin Razak. (1982). *Dienu Islam*. Bandung: Pustaka al-Ma'arif.

Nik Mohd. Rosdi Nik Ahmad & Nik Kamaliah. (1997). *Kenalilah Al-Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Omar Mohd Hashim. (1993). *Pendidikan: Persoalan, penyelesaian dan harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Udah Mohsin. (1987). *Kesan ibadah dalam pembentukan akhlaq seorang Muslim*. Shah Alam: Pustaka Hizbi.

Ulwan Abdullah Nasih. (1990). *Pedoman pendidikan anak dalam Islam*. (Trj. Abd. Nawhie Ulwan). Klang: Klang Book Centre.

Zenger, J. H. & Folkman, J. (2005). *Panduan untuk pemimpin*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Zol Azlan Hamidin. (2000). *Strategi pengajaran: Pendekatan sains, teknologi, masyarakat*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

---

MINAH DIBOK, ABD KHALIL MOHD KHALID & RUAAIN MUSTARI, Centre of Islamic Thought and Understanding, Universiti Teknologi MARA Pahang. minah@pahang.uitm.edu.my, abdkhalil@pahang.uitm.edu.my, ruaain@pahang.uitm.edu.my

AINUN JARIAH MANAF, Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Pahang. ainunjariah@pahang.uitm.edu.my